

1984

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMADHARIINI MENGGARISHAN TIGAPERKARAPENTING YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH PEMBINA DAN PENTADBIR HOSPITAL.

BERUCAP DI SIMPOSIUM SEHARI MENGENAI RAWATAN KESIHATAN ANJURAN SEBUAH FIRMA BINAAN, YEOH TIONG LAY-WILMA, DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA-PERKARA ITU IALAH PERANCANGAN DAN REKABENTUK HOSPITAL, PEMBINAAN DAN PELANCARAN HOSPITAL DAN AKHIRNYA PENGURUSAN HOSPITAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PENTINGNYA DIBERI TEKANAN KEPADA PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN HOSPITAL DI NEGARA INI.

KATANYA, PENGEMBLENGAN KAKITANGAN DAN PEGAUJ PERUBATAN, WALAU BAGAIMANA TERLATIH SEKALI PUN, TIDAK DAPAT SECARA OTOMATIS MENGHASILKAN RAWATAN YANG CEKAP DAN BERMUTU TINGGI.

MEREKA PERLU DISOKONG, OLEH PENGURUSAN YANG CEKAP, PERATURAN KERJA YANG WAJAR, PENUGASAN YANG JELAS, LOGISTIK DAN SISTEM PENYENGGARAAN YANG CEKAP DAN KHIDMAT MAKLUMAT, YANG BAIK.

MENGENAI PERANCANGAN DAN REKABENTUK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TENAGA KEPAKARAN TEMPATAN YANG CUKUP PERLU DIWUJUDKAN DALAM BIDANG INI UNTUK MELAKSANAKAN PEMBINAAN DAN PENYENGGARAN HOSPITAL DI KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

DI SAMPING MENGAMBIL MASA MENYIAPKAN PERANCANGAN DAN REKABENTUK, BANGUNAN HOSPITAL ADALAH YANG PALING KOMPLEKS DALAM REKABENTUK DAN PEMBINAANNYA KERANA KEGUNAAN KHASNYA, PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG KOMPLEKS DAN JUGA KEPERLUAN KEJURUTERAAN DAN SERBAGUNA YANG BERLAINAN DARIPADA BANGUNAN-BANGUNAN LAIN.

+IA MEMERCUKAN RAMAI ARKITEK DAN JURUTERA YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM REKABENTUK DAN OPERASI HOSPITAL, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PEMBINAAN SESEBUAH HOSPITAL DILAKSANAKAN BUKAN SAHAJA BILA DIRASAKAN PERLU, TETAPI REKABENTUK, PENYEDIAAN KELENGKAPAN DAN KAKITANGAN HENDAKLAH DIJALANKAN BEGITU RUPA UNTUK MENGURANGKAN KOS PEMBINAAN DAN OPERASI SEJAJAR DENGAN AMALAN SEBUAH HOSPITAL YANG BAIK.

+REKABENTUK HENDAKLAH MUDAH DAN BOLEH DISELAH SUAI UNTUK MENAMPUNG AMALAN HOSPITAL YANG SERING BERUBAH, + TAMBAHNYA.

DISAMPING ITU, HOSPITAL JUGA HARUS MUDAH DISELENGGARAKAN.

MENGENAI KELENGKAPAN HOSPITAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MEREKA HARUS DAPAT MEMILIH KELENGKAPAN YANG DIFIKIRKAN PALING SESUAI DARI SEGI KOS DAN OPERASI DARIPADA KELENGKAPAN YANG ADA DIPASARAN.

MENURUTNYA, RAWATAN HOSPITAL ADALAH YANG PALING MAHAL DALAM RAWATAN PERUBATAN KERANA IA MEMERLUKAN MODAL PELABURAN YANG BESAR DENGAN KOS PENGENDALIAN YANG AGAK BESAR JUGA.

MENGENAI PEMBINAAN DAN PELANCARAN HOSPITAL, PERDANA MENTERI PERCAYA TEMPOH PEMBINAAN SEBUAH HOSPITAL BOLEH DIKURANGKAN LAGI DENGAN MENGUBAH CARA PEMBINAAN DAN MENYELERASKAN BERBAGAI-BAGAI PERINGKAT PEMBINAAN.

BELIAU BERKATA, DUA PROJEK HOSPITAL KERAJAAN, SATU DARIPADANYA, HOSPITAL BESAR KUALA TRENGGANU, DILAKSANAKAN DIBAWAH SISTEM SIAP-GUNA DAN KERAJAAN MENGIKUTI KEMAJUAN KEDUA-DUA PROJEK TERSEBUT. TENDER PEMBINAAN HOSPITAL BESAR KUALA TERENGGANU BERHARGA \$94.2 JUTA DIBERIKAN KEPADA YEOH TIONG LAY-WILMA, FIRMA USAHASAMA TEMPATAN DENGAN BELANDA, AKHIR TAHUN LALU DAN IA ADALAH PROJEK HOSPITAL YANG PERTAMA DILAKSANAKAN DI BAWAH SISTEM TERSEBUT.

PENGARAH URUSAN YEOH TIONG LAY SDN BHD., ENCIC FRANCIS YEOH APABILADITANYA MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI DALAM PROJEK USAHASAMA ITU, BERKATA BAHAWA TANGGUNGJAWAB MEREKA SEPERTI DI DALAM PERJANJIAN, MENENTUKAN ADA PEMINDAHAN TEKNOLOGI.

KANYA, SIMPOSIUM TERSEBUT ADALAH SATU DARIPADA RANCANGAN-RANCANGAN UNTUK MENENTUKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI INI.

MENGENAI KEMAJUAN PROJEK HOSPITAL BESAR KUALA TERENGGANU, ENCIC YEOH BERKATA HOSPITAL 750 KATIL ITU YANG DIJANGKA SIAP DALAM TEMPOH 30 BULAN SEKARANG AKAN SIAP BEBERAPA BULAN LEBIH AWAL.

BELIAU MENUJI KEBAIKAN SISTEM SIAP-GUNA DAN MENSIFATKANNYA DAPAT MENYEGERAKAN PEMBINAAN HOSPITAL-HOSPITAL DI NEGARA INI PADA MASA DEPAN. -- BERNAMA.